

KHUTBAH AIDILADHA

“PENGORBANAN DALAM MENEMPUH UJIAN”

(20 Julai 2021M/ 10 Zulhijjah 1442H)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ

لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ،

فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita dihimpunkan bersama golongan yang berjaya di dunia, lebih-lebih lagi di akhirat kelak. Segala puji dan syukur hanyalah kepada-Nya kerana pada hari ini kita dapat meraikan Hari Raya Aidiladha. Marilah kita menghayati Khutbah Aidildha pada pagi ini yang bertajuk “Pengorbanan Dalam Menempuh Ujian”.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, dengan izin Allah *subhanahu wata'ala*, kita dipanjangkan usia, dapat bersama-sama bertakbir memuji-Nya bermula pada subuh 9 Zulhijjah pada hari semalam dan solat sunat Aidiladha sebentar tadi. Marilah kita memperbanyakkan takbir, tahlil dan tahmid setiap kali selepas solat fardhu atau sunat dan di sepanjang hari-hari tasyriq yang berakhir selepas solat fardhu Asar hari ke 13 Zulhijjah. Perbanyakkanlah jua selawat ke atas junjungan besar kita, Nabi sallallahu alaihi wasallam. Mudah-mudahan, Allah menghidupkan jiwa kita agar sentiasa mencintai Allah dan Rasul-Nya, seterusnya membangkitkan semangat untuk beribadah secara istiqamah.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Hari ini merupakan hari yang amat istimewa. Ia merupakan hari untuk umat Islam memperingati kisah pembuktian ketaatan dan pengorbanan Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail *alaihmassalam* dalam melaksanakan perintah Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah *As-Soffat*, ayat 102:

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَئِي إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ
فَانظُرْ مَاذَا تَرَى ۗ قَالَ يَا بَتِ أِفْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ
مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٠٢﴾

Bermaksud: Maka ketika anak itu sampai (pada umur) sanggup berusaha bersamanya, (Nabi Ibrahim) berkata, “Wahai anakku! Sesungguhnya aku bermimpi bahawa aku menyembelihmu. Maka fikirkanlah bagaimana pendapatmu!” Dia (Nabi Ismail) menjawab, “Wahai ayahku! Lakukanlah apa yang diperintahkan (Allah) kepadamu; in sya Allah engkau akan mendapatiku termasuk orang-orang yang sabar.”

Kata-kata daripada seorang ayah yang penyayang dan disambut pula oleh anak yang soleh menjadikan kisah pengorbanan ini contoh terulung dalam sejarah peradaban manusia di muka bumi ini. Seorang ayah sanggup mengorbankan anak kesayangannya demi melaksanakan perintah Allah walaupun perintah itu pada zahirnya bertentangan dengan jiwa dan kemahuannya.

Kesanggupan Nabi Ibrahim melaksanakan perintah Allah *subhanahu wata'ala* ini, bukanlah taat setia secara membuta tuli, sebaliknya ia didorong oleh semangat pengorbanan yang suci dan ikhlas daripada hamba kepada Tuhan yang menciptakannya, yang sentiasa mengharapkan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Nabi Ibrahim *alaihissalam* dengan sepenuh kerelaan hatinya menerima dan menjalankan perintah dari Tuhannya dan Anaknya Nabi Ismail *alaihissalam* juga dengan penuh rela hati, tanpa ragu mahupun membantah akan permintaan bapanya yang merupakan perintah Allah dan ujian yang agung daripada-Nya.

Allah *subhanahu wata'ala* sendiri membenarkan dan mengiktiraf mimpi tersebut. Firman-Nya dalam ayat ke 104 dan 105 *surah As-Soffat*.

وَنَدَيْنَاهُ أَنْ يَا إِبْرَاهِيمُ ﴿١٠٤﴾ قَدْ صَدَّقْتَ الرُّؤْيَا إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya: Serta Kami menyerunya: "Wahai Ibrahim! "Engkau telah membenarkan maksud mimpi yang engkau lihat itu". Demikianlah sebenarnya Kami membalas orang-orang yang berusaha mengerjakan kebaikan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

SubhanAllah. Yakinlah saudara-saudaraku yang beriman. Allah *subhanahu wata'ala* tidak menurunkan perintah melainkan kasih kepada hamba-hamba-Nya yang taat. Peristiwa agung ini, dikhabarkan melalui Rasulullah *sallallahu alahiwasallam* kepada sekalian manusia, bertujuan untuk dijadikan teladan bahawa Nabi Ibrahim *alaihissalam* benar-benar beriman dan taat akan perintah Allah *subhanahu wata'ala* dengan penuh keyakinan, kesabaran dan ketakwaan. Rahmat Allah *subhanahu wata'ala* dan kasih sayang-

Nya mengatasi segala-galanya. Seekor kibasy yang gemuk menggantikan anaknya Nabi Ismail *alaihissalam* untuk disembelih.

Kisah ini, turut memberi mesej dan peringatan yang penting kepada manusia bahawa jalan menuju kebahagiaan dan kesejahteraan hidup itu memerlukan pengorbanan. Betapa Allah *subhanahu wata'ala* meletakkan sifat berkorban sebagai sifat yang dipandang tinggi oleh-Nya dan sekaligus menjadi bukti kepatuhan dan ketaatan kepada Allah Tuhan sekalian alam.

Hakikatnya, Aidiladha sangat berkait dengan perjuangan dan pengorbanan Nabi Ibrahim *alaihissalam*. Lihatlah jua bagaimana kehidupan yang penuh dengan ketaatan ditunjukkan oleh baginda, isterinya Hajar dan anaknya Nabi Ismail *alaihissalam* terhadap perintah Allah *subhanahu wata'ala* dalam peristiwa air zam-zam dan selainnya. Sebuah keluarga yang menjadi contoh teladan kepada umat Islam apabila ketaatan kepada perintah Allah *subhanahu wata'ala* menjadi keutamaan daripada kehendak diri sendiri.

Peristiwa pengorbanan tersebut, mendidik kita untuk bersikap sabar dalam menghadapi apa jua ujian dan dugaan hidup dari Allah *subhanahu wata'ala*, lebih-lebih lagi pandemik COVID-19 yang kita hadapi sekarang ini. Jangan mudah mengeluh dan hendaklah tetap menyerah dan bertawakal kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Semuanya adalah ketentuan dan ketetapan daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam *surah Al-Baqarah* ayat 156:

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

Bermaksud : *laitu orang-orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu musibah, mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya jualah kami kembali.*

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Pada hari raya ini, marilah kita mengambil pengajaran dari khutbah yang telah disampaikan sebentar tadi. Antaranya ialah;

Pertama : Bertakwalah dan lakukanlah ketaatan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan yakin agar terhakis perasaan curiga atau prasangka yang boleh membawa kepada kecuaiian dan keingkaran terhadap perintah-Nya.

Kedua : Peliharalah hubungan dengan Allah *subhanahu wata'ala* melalui ketaatan dengan ikhlas.

Ketiga : Pengorbanan atas urusan agama dan mengharapkan redha-Nya, tidak akan disia-siakan oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Keempat : Contohilah para nabi dan keluarga mereka yang beriman dalam meneruskan kehidupan di dalam ketaatan.

Hayatilah jua firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Kauthar, ayat 1 hingga 3:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِاسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ﴿١﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ﴿٢﴾ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ﴿٣﴾

Bermaksud: *Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat). Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur). Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, Dia lah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diingini).*

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. لَا إِلَهَ
إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْأَضَاحِيَّ مِنْ أَجْلِ الْقُرْبَانِ. وَضَاعَفَ لِعَامِلِهَا
الْحَسَنَاتِ. وَكَانَتْ سَبَبًا لِدُخُولِ أَهْلِهَا الْجَنَّاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا
اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الَّذِينَ فَازُوا
بِالْجَنَّةِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Ketibaan Aidiladha pada tahun ini, amatlah berbeza jika dibandingkan tahun-tahun sebelum ini. Pada tahun lepas, bagi mereka yang mampu, masih lagi dapat melaksanakan ibadah korban pada hari raya pertama dan hari-hari Tasyriq. Namun, pada tahun ini, Majlis Islam Sarawak telah memutuskan bahawa pelaksanaan ibadah qurban bagi tahun 1442H/2021M hendaklah ditangguhkan. Hal ini berdasarkan keputusan Lembaga Fatwa Negeri Sarawak

yang bersidang pada 4 Zulkaedah 1442H/ 15 Jun 2021M yang menetapkan penjagaan nyawa (hifzun nafs) diutamakan dan mengelakkan kemudaratan kesan daripada pandemik COVID-19 yang masih kritikal di Sarawak.

Begitu juga ibadah haji. Kerajaan Malaysia telah membuat keputusan untuk tidak menghantar jemaah haji bagi musim haji 1442H setelah Kerajaan Arab Saudi memutuskan ibadah haji bagi tahun ini, dihadkan hanya untuk warganegara Saudi dan penduduk negara lain yang telah berada dalam negara tersebut sahaja. Perkara ini tidak lain, turut merupakan salah satu usaha menjaga nyawa yang termasuk dalam Maqasid as-Syariah.

Mimbar juga ingin menyeru dan mengingatkan sekalian umat Islam khususnya di negeri Sarawak agar terus mematuhi menuruti garis panduan dan prosedur operasi standard (S.O.P) yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Bagi yang belum mengambil suntikan vaksin COVID-19, disarankan agar segera mendaftar untuk menerima suntikan tersebut kerana inilah antara ikhtiar kita dalam usaha menyekat penularan wabak ini. Semoga setiap urusan sama ada dari pihak kerajaan mahupun rakyat, dipermudahkan untuk mendapat vaksin secepatnya.

Umat Islam turut diseru, agar terus bersabar dan istiqomah memelihara perintah Allah subhanahu wata'ala, menjauhi dosa dan maksiat, memperbanyakkan istighfar memohon keampunan Allah subhanahu wata'ala serta bertawakkal kepada-Nya. Kita berdoa

agar pandemik COVID-19 berakhir dan terhapus daripada muka bumi ini. Amin ya Rabbal 'alamin.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ

وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak

diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID-19.
Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا
لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ الْبَلَاءِ
عَافِيَةً. اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ،
وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ.

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا
لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْنَا وَإِيَّاكُمْ لِكُلِّ فِعْلٍ حَمِيدٍ، وَأَعَادَ عَلَيْنَا وَعَلَيْكُمْ مِنْ بَرَكَاتِ
هَذَا الْيَوْمِ السَّعِيدِ، وَأَعِدْنَا وَإِيَّاكُمْ مِنْ هَوْلِ الْيَوْمِ الْوَعِيدِ. وَأَدْخِلْنَا
وَإِيَّاكُمْ الْجَنَّةَ مَعَ الْفَائِزِينَ الَّذِينَ دَعَوْهُمْ فِيهَا سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ

فِيهَا سَلَامٌ وَعَآخِرُ دَعْوَتِهِمْ أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٠﴾

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ
اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَ مِنْكُمْ صَلِحَ الْأَعْمَالِ. مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ، كُلُّ
عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ.